

# Aktiviti Belajar Bahasa Ibunda di Rumah 3

Ibu bapa yang dihormati

Anda boleh menyokong pembelajaran dan pembangunan bahasa Ibunda anak anda di rumah dengan aktiviti-aktiviti saranan yang berikut. Aktiviti-aktiviti ini dapat melibatkan anak anda melalui bermain dan meneroka. Selain memupuk interaksi yang berkualiti dengan anak anda, aktiviti-aktiviti ini juga dapat membantu ahli keluarga mengeratkan hubungan.



## Apakah yang boleh anda lakukan bersama anak anda?

### Aktiviti Bersama Keluarga

Objektif aktiviti ini adalah untuk mengalakkan ibu bapa melakukan aktiviti bersama anak anda. Ibu bapa disarankan menyiapkan sarapan pagi kegemaran anak dengan bantuannya. Sebagai contoh, ibu bapa boleh menyuruh anak anda menyapukan Nutella/jam/mentega di atas sekeping roti bijirin menggunakan pisau plastik. Ibu bapa juga boleh menggunakan acuan bulat untuk menerap bentuk muka. Kemudian, galakkan anak anda menggunakan bahan makanan seperti kismis, kekacang atau buah-buahan untuk membentuk bahagian muka seperti mata, hidung dan mulut. Selepas itu, anak boleh menceritakan muka ahli keluarga yang telah dibuat di atas roti. (Contoh: bapa, ibu, abang, kakak, adik, nenek atau datuk). Galakkan anak anda menggunakan kosa kata yang sesuai bagi anggota badan seperti mata, hidung dan mulut.



### Aktiviti Main Peranan

Sebelum melakukan aktiviti main peranan, ibu bapa boleh menyediakan bahan-bahan yang mudah didapatkan dalam rumah seperti suratkhabar (ayah), apron (ibu), botol susu (adik), bola (abang) dan anak patung (kakak). Setelah menunjukkan bahan-bahan yang disediakan, ibu bapa boleh mengajak anak anda berbual tentang bahan-bahan tersebut. Kemudian, ibu bapa boleh mengajak anak anda melakonkan watak-watak ahli keluarga seperti ayah, ibu, adik, abang atau kakak menggunakan bahan-bahan yang disediakan oleh ibu bapa. Ibu bapa juga boleh main peranan watak ahli keluarga yang berbeza.



### Aktiviti Motor Halus

Bagi aktiviti motor halus, sediakan sekurang-kurangnya 10 penyeprit baju, sehelai tali dan kad bernombor '1' hingga '10'. Anda boleh menulis nombor '1' hingga '10' di atas kertas menggunakan marker. Kemudian, ibu bapa boleh mengajak anak anda megenal pasti nombor yang tertera di kad serta memadangkan dengan jumlah penyeprit baju yang sesuai.

Sebagai contoh, ibu bapa menunjukkan kad bernombor '5', galakkan anak anda supaya mengira penyeprit baju secara satu per satu lalu menggunakan genggaman pincer untuk menyepit jumlah yang tepat di benang. Untuk meluaskan lagi perbualan, anda boleh bertanyakan soalan seperti, "Bagaimanakah ibu menggunakan penyeprit baju?", "Namakan warna di penyeprit ini."



### Aktiviti Kemahiran Diri

Objektif aktiviti ini adalah untuk meningkatkan kemahiran diri anak anda melalui aktiviti berpakaian. Galakkan anak anda untuk memilih pakaian untuk dipakai (Contoh: baju, pakaian dalam dan seluar) setiap hari. Selepas mandi, ibu bapa boleh menyuruh anak anda untuk memakai pakaian yang telah dipilih olehnya secara kendiri. Ibu bapa juga boleh meluaskan kosa kata anak anda dengan menerangkan pelbagai jenis pakaian yang terdapat di dalam almari seperti tuala, stokin, pajama dan sebagainya. Anda juga boleh menyuruh anak anda menyatakan warna atau menggunakan kata adjektif seperti pendek, panjang, kecil atau besar untuk menerangkan mengenai pakaian mereka.



Berseronoklah bersama anak anda!